





KEMUDAHAN AKADEMI PENERBANGAN TEMASEK





 Dilancarkan Menteri Negara Kanan (Pengangkutan) Cik Josephine Teo pada 8 Januari lalu.

 Memenuhi keperluan tenaga kerja dalam industri penerbangan dan aeroangkasa.

 Misi Akademi ialah menyediakan latihan bagi pelajar kejuruteraan dalam kursus Diploma Pengurusan Penerbangan dan Diploma Kejuruteraan Aeroangkasa.

 Menyediakan latihan bermutu bagi pekerja dewasa dalam sektor pengangkutan udara dan kejuruteraan aeroangkasa menerusi program sepenuh masa dan sambilan.

 Menjalankan kajian guna yang fokus pada pelbagai kerjasama industri.



Studio Simulasi dan Interaktif Tiga Dimensi (3D)

- ▶ Menampung projek realiti maya, iCube bagi pembelajaran simulasi dan interaktif 3D. Ia adalah projek kerjasama dengan gergasi dunia realiti maya, EON Reality.
- ▶ Kemudahan ini membangun aplikasi pembelajaran menggunakan teknik simulasi dan visualisasi 3D.
- ▶ Kemudahan ini juga dirancang sebagai ruang pembelajaran bagi aspek pencahayaan dan penyenggaraan.

Pusat Politeknik Temasek-Latihan Teknikal Lufthansa

- ▶ Perjanjian kerjasama ditandatangani pada 2007 bagi menawarkan latihan aeroangkasa khusus buat pelajar Diploma Kejuruteraan Aeroangkasa dan Diploma Elektronik Aeroangkasa.
- ▶ Bilik darjah, bilik latihan berpangkalan komputer dan bengkel teknikal disediakan dalam ruang 1,600 meter persegi bagi pelbagai tugas mekanikal dan elektrik yang dijalankan seperti pembaikan reka pesawat.



Bengkel Latihan Enjin Pesawat

- ▶ Pelajar kejuruteraan aeroangkasa perlu dilengkapi dengan ilmu dan kemahiran mengenai enjin pesawat yang boleh disepadankan dengan tuntutan industri.
- ▶ Pelbagai enjin pesawat seperti Curtiss Wright J65 Turbojet, General Electrics F404 Turbofan dan Pratt & Whitney PW100 Turboprop serta komponen enjin pesawat tersedia bagi latihan pelajar.
- ▶ Enjin J65 Turbojet dan F404 Turbofan disumbangkan Angkatan Udara Republik Singapura (RSAF). Ia digunakan dalam tutorial dan makmal bagi pelajar mempelajari selok-belok pembinaan dan teori operasi enjin pesawat.
- ▶ PW100 Turboprop pula adalah yang terkini dibawa masuk ke dalam bengkel ini. Ia terkenal sebagai enjin canggih yang diiktiraf serata dunia.



Hangar Latihan Penyenggaraan Pesawat

- ▶ Ruang sebesar 529 meter persegi ini dibina bagi menyediakan sekitaran yang sesuai bagi pelajar menjalankan latihan penyenggaraan pesawat sebenar.
- ▶ Jet perniagaan Hawker 700 yang boleh berfungsi dan peralatan sokongan, stor peralatan dan bilik latihan tersedia dalam ruang ini.

Pusat Simulator Penerbangan

- ▶ Ini merupakan kerjasama strategik antara Politeknik Temasek dengan Sim Aero Asia Pte Ltd yang memperkasa dan memperluas mutu dan skop keupayaan latihan penerbangan dan aeroangkasa, merentasi semua sektor kejuruteraan.
- ▶ Peluang bagi pelajar melalui penerbangan sebenar dan terlibat dalam projek penyenggaraan sofwe dan hadwe, operasi pusat simulator penerbangan dan jadual penerbangan.
- ▶ Perkasa pengetahuan kakitangan kursus kejuruteraan tentang latihan penerbangan, rekaan sofwe simulator, kejuruteraan, penyenggaraan dan operasi.